

Francorp pilihan tepat kembang perniagaan



Perunding bantu rangka, bangun program francais, cipta strategi perniagaan, sedia manual operasi



>>Oleh Faizatul Farlin Farush Khan
farlin@metro.com.my

FRANCAIS adalah pilihan paling tepat jika seseorang usahawan itu mahu mengembangkan perniagaannya dengan pantas dalam skala yang besar.

Namun, ia memerlukan kesanggupan seseorang usahawan terbabit untuk menukar konsep perniagaan, berkongsi resipi kejayaan, memindahkan pengetahuan selain memberi latihan dari segi teknikal.

Dalam memastikan usahawan berminat dapat menukar perniagaan mereka sebagai francais yang berjaya, Francorp Malaysia Sdn Bhd mempunyai kredibiliti memberi bantuan kepada francaisor tempatan mencuba nasib di jaring pasaran lebih luas.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Affandy Faiz, berkata Francorp adalah sebuah syarikat perunding yang mampu membantu usahawan mengembangkan perniagaan mereka melalui francais.

Katanya, Francorp membantu dengan cara merangka dan membangunkan program francais yang bersesuaian dengan jenis perniagaan.

"Kita juga membantu mencari penyelesaian sesuai, mencipta strategi perniagaan, terbabit dalam penyediaan manual operasi dan merangka program pemasaran yang dapat mengembangkan perniagaan hingga peringkat antarabangsa.

"Kita memberi tumpuan kepada perkhidmatan strategi, perundangan, operasi dan pemasaran.

"Biasanya Francorp akan bersama memberi rundingan

kepada pelanggan antara tempoh satu dan lima tahun sehingga mereka benar-benar mantap," katanya.

Beliau berkata, Francorp mempunyai kekuatan itu berdasarkan pengalaman lebih 30 tahun menerajui segmen pembangunan perniagaan francais global.

Ia memiliki rangkaian pasaran francais yang luas dan membangunkan lebih 2,000 francais di seluruh dunia.

Menurutnya, ia adalah syarikat perundingan tunggal di negara ini yang menawarkan pelbagai perkhidmatan yang boleh memenuhi keperluan syarikat tempatan untuk mencapai misi mereka dalam menguasai pasaran perniagaan melalui francais.

"Apa yang penting bagi sesuatu perniagaan itu menjadi francais adalah kesanggupan usahawan berkongsi segala maklumat mengenai perniagaannya selain mempunyai konsep perniagaan yang berdaya maju serta menguntungkan.

"Bagi mereka yang mahu menjadi francais pula, mereka perlu berdisiplin tinggi dan perlu mempunyai modal cukup untuk membuka sesuatu cawangan," katanya.

Affandy berkata, pihaknya turut menjalankan seminar termasuk di ibu pejabatnya di D5-5 Megan Avenue 1, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur setiap Rabu dari jam 9.30 pagi dalam membantu usahawan yang benar-benar serius untuk terbabit dalam francais.

Francorp Malaysia ditubuhkan Mei 2003, tetapi mula beroperasi pada Julai 2004. Namun, Francorp sebenarnya sudah lama ditubuhkan di Amerika Syarikat serta memiliki 12 pejabat di seluruh dunia termasuk New York, Florida, Buenos Aires, Manila, Mexico dan Tokyo.

Affandy berkata, antara francaisor terkemuka yang memperoleh khidmat Francorp adalah Kentucky Fried Chicken (KFC), Omni Hotels, USA Baby, Auntie Anne's Pretzels, Shell dan BP Amoco.



Apa yang penting bagi sesuatu perniagaan itu menjadi francais adalah kesanggupan usahawan berkongsi segala maklumat mengenai perniagaannya selain mempunyai konsep perniagaan yang berdaya maju serta menguntungkan"

>Affandy Faiz
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Francorp

BERPOTENSI ...Francorp yang mempunyai 12 pejabat di seluruh dunia mula beroperasi di Malaysia Julai 2004.

